



**PEKELILING AM
KERAJAAN NEGERI JOHOR BILANGAN 3 TAHUN 2002**

**Mesyuarat Jawatankuasa Gerakan Bersepadu
Penguatkuasaan**

1. Tujuan:

Pekeling ini bertujuan untuk melaksanakan Tindakan Gerakan Bersepadu Penguatkuasaan setiap daerah di seluruh Negeri Johor.

2. Latar Belakang:

- 2.1. Sesi percambahan fikiran Pelan Tindakan Gerakan Bersepadu Penguatkuasaan telah diadakan pada 7 Julai 1998 yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berbahormat Menteri Besar Johor bertujuan untuk mengenalpasti permasalahan Gerakan dan melaksanakan Gerakan tersebut secara bersepadu dan berkesan dengan kerjasama Jabatan-Jabatan yang terlibat.
- 2.2. Majlis Mesyuarat Kerajaan Bil.204/98 telah bersetuju dengan laporan sesi percambahan fikiran Pelan Tindakan Gerakan Bersepadu Penguatkuasaan yang telah diadakan pada 7 Julai 1998 dan menerima ke semua 18 rumusan Pelan Tindakan Gerakan Bersepadu Penguatkuasaan sebagaimana Lampiran 1.

3. Pelaksanaan:

- 3.1. Membuka Bilik Gerakan Tetap sebagai pusat operasi membuat laporan, menyimpan rekod dan maklumat dengan disediakan talian bebas tol.
- 3.2. Menubuhkan Pasukan Petugas (task force) di Pejabat Daerah dengan Pegawai Daerah menjadi Pengurus dan ahli-ahlinya terdiri dari Ketua Polis Daerah, Pentadbir Tanah Daerah, Setiausaha Pihak Berkuasa Tempatan, Pegawai Kastam Daerah, Pentadbir Agama Daerah, Pegawai Imigresen Daerah dan Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah.
- 3.3. Mengaturkan tindakan-tindakan Gerakan Bersepadu Penguatkuasaan dijalankan secara berjadual dan berterusan supaya gejala-gejala pencerobohan tanah bangunan haram, pencemaran alam sekitar dan maksiat serta perjudian dapat dibentersa dan dihapuskan kepada sasaran sifar.

- 3.4. Menyediakan laporan Tindakan Bersepadu Penguatkuasaan secara berkala dan dilaporkan ke Pejabat Setiausaha Kerajaan yang diurus setiakan oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan Johor.
- 3.5. Mengemukakan laporan Tindakan Gerakan Bersepadu Penguatkuasaan setiap suku tahun kepada urus setia.

4. Pemakaian:

Pemakaian Pekeliling ini adalah meliputi semua Pegawai Daerah, Pentadbir Tanah Daerah, Setiausaha Pihak Berkuasa Tempatan, Pegawai Kastam Daerah, Pentabir Agama Daerah, Pegawai Imigresen Daerah dan Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah.

5. Kuatkuasa:

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh pekeliling ini dikeluarkan. Pegawai Daerah diminta mengambil perhatian serius mengenai perkara ini.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

**(DATO' HAJI AYUB BIN MION)
SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR**

Bertarikh : 11 Julai 2002.

Lampiran 1

RUMUSAN-RUMUSAN SESI PERCAMBAHAN FIKIRAN PELAN TINDAKAN GERAKAN BERSEPADU PENGUATKUASAAN

1. Satu bilik gerakan tetap sebagai operasi membuat laporan, menyimpan rekod dan maklumat dicadang supaya diadakan bersama-sama dengan talian bebas tol.
2. Penubuhan Pasukan Petugas (task force) di pejabat-pejabat daerah dengan Pegawai Daerah menjadi ketua atau pengurusnya. Ahli lain terdiri daripada Ketua Polis Darah, Pentadbir Tanah daerah, Setiausaha Pihak Berkuasa Tempatan, Pegawai Kastam Daerah, Pentadbir Agama Daerah, Pegawai Imigresen Daerah dan Pegawai Kebajikan Daerah.
3. Didapati banyak mesin-mesin judi telah dirampas. Oleh itu siasatan susulan perlu dilakukan sama ada kegiatan tersebut telah dijalankan secara terancang atau bersindiket dan usaha hendaklah dipertingkat untuk membanterasnya.
4. Bagi kes-kes langgar syarat tanah kerana perindustrian, adalah perlu supaya penempatan semula di kawasan pembangunan baru diusahakan. Ini khusus bagi daerah yang mempunyai bilangan kilang haram yang tinggi seperti Daerah Muar dan Daerah Batu Pahat.
5. Bagi rumah-rumah ibadat yang dibangunkan secara haram, perlah diambil pendekatan secara berunding. Segala cadangan bagi pengalihan tempat ibadat ini perlu mendapatkan kelulusan daripada kerajaan.
6. Bagi membendung orang-orang Islam bekerja di tempat-tempat maksiat seperti kelab malam dan bar, perlu ada pendekatan di mana salah satu syarat memperolehi lesen ialah orang Islam tidak dibenarkan bekerja di tempat-tempat tersebut. Ini memudahkan tindakan diambil ke atas tuanpuya premis kerana melanggar syarat-syarat lesen. Jabatan Agama juga perlu mengenalpasti pekerja-pekerja Islam ini untuk diberi kaunseling.
7. Memandangkan keadaan kegawatan ekonomi sekarang ini, gerai-gerai yang dibina tanpa lesen tidak akan terus durobohkan tapi dicadang supaya dipindahkan ke tempat baru terlebih dahulu. Pejabat Tanah dan Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah meningkatkan kawalan dan tindakan mencegah serta merta untuk mengelakkan pertumbuhan kawasan baru haram. Perancangan dan pembinaan pusat-pusat penaja dan peniaga-peniaga kecil hendaklah dilaksanakan bagi memberi ruang kepada golongan yang tertekan oleh kegawatan ekonomi untuk mencari pendapatan.
8. Mengikut dasar MTEN, bagi pencerobohan tanah kerana tanaman sayur-sayuran dan tanaman jangka pendek boleh dipertimbangkan untuk dikeluarkan TOL dengan syarat ianya tidak menceroboh rizab hutan dan rizab lain. Pencerobohan tanah untuk tanaman yang dijalankan di kawasan tadahan air hendaklah diambil tindakan tegas.
9. Dalam usaha untuk mengalihkan Orang Asli, rekod yang lengkap bagi membuktikan Orang Asli tersebut bukan penduduk asal sesuatu kawasan

adalah amat penting untuk mengelakkan tindakan mahkamah ke atas Kerajaan Negeri diambil.

10. Ada sesetengah agensi (Pos Malaysia di Larkin, Johor Bahru) telah membenarkan individu-individu tertentu mendirikan gerai dan sebagainya di tanah rizab agensi tersebut tanpa merujuk kepada Pihak Berkuasa Tempatan. Oleh itu, perlu ada arahan-arahan tertentu (pihak Ketua Pengarah Tanah dan Galian Malaysia) supaya agensi tersebut tidak akan sewenag-wenangnya memberi kebenaran untuk pembinaan gerai dan sebagainya.
11. Terdapat beberapa kawasan yang telah dikenalpasti dan akan diwartakan sebagai kawasan tadahan air. Oleh itu, semua permohonan untuk pembangunan perlu dirujuk ke Pejabat Tanah dan Galian bagi mengenalpasti kawasan-kawasan tersebut tidak terlibat.
12. Penggunaan teknologi baru perlu dijadikan syarat memperbarui lesen premis PBT bagi menangani masalah pencemaran alam sekitar.
13. Satu jawatankuasa pengawasan pencemaran sungai hendaklah diwujudkan diperingkat daerah dengan Jabatan Pengairan dan Saliran sebagai Urusetia. Penelitian ke atas semua sungai dengan nasihat dari pihak JPS atas langkah-langkah yang boleh diambil oleh pihak jawatankuasa pengawasan sungai perlu dilakukan.
14. Operasi pencegahan maksiat hendaklah diteruskan. Premis yang tidak dilesenkan ditutup dan kuatkuasa dapat diambil ke atas pengusaha yang terus berdegil menjalankan operasi haram.
15. Gerai-gerai pada musim buah-buahan perlu ditempatkan di satu tapak yang perlu dikenalpasti. Ini dapat mengelakkan gerai-gerai daripada dibina di sepanjang jalan sehingga mengganggu lalulintas.
16. Tempoh yang mencukupi perlu diberikan kepada kilang-kilang haram untuk berpindah ke tapak gantian memandangkan pada masa sekarang terdapat masalah mendapatkan pinjaman bagi menguruskan perpindahan.
17. Satu pendekatan yang berkesan dari segi utility perlu diberi perhatian kerana peranan jabatan-jabatan utility ini penting dalam membantu kewujudan kawasan-kawasan operasi haram. Pihak SAJ dan TNB hendaklah merujukkan kepada Pegawai Daerah, Pentadbir Tanah Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan untuk kelepasan sebelum apa-apa penyambungan bekalan air atau elektrik dilaksanakan.
18. Bangunan-bangunan haram yang melindungi pandangan di persimpangan jln-jalan di Daerah Pontian, yang boleh menyebabkan kemalangan jalan raya hendaklah dialihkan dan kemudiannya dirobohkan. Tindakan-tindakan ini hendaklah diutamakan.